



JOHARI beramah mesra dengan orang ramai di Program Santuni Madani di Kampung Dato Keramat. - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN

SUDAH 6 TAHUN TERSADAI AJE

Kerajaan ambil alih projek naik taraf Pasar Dato Keramat

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan akan mengambil alih projek menaik taraf fasiliti Pasar Dato Keramat yang sudah tergendala sejak lebih enam tahun lalu.

Menteri Perladangan dan Komoditi yang juga Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata, pasar warisan itu menjadi nadi kepada warga setempat apabila menempatkan 100 peratus peniaga tempatan dan Bumiputera yang sudah mencari rezeki di kampung itu sejak 30 tahun lalu.

Menurutnya, pasar itu tergendala pembinaannya sejak lebih enam tahun sekaligus menjejaskan kebajikan peniaga dan juga penduduk setempat.

“Saya lihat pasar warisan itu kian uzur dan tidak dikendalikan dengan baik oleh pemajunya. Saya desak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ambil semula tanah itu dari pemaju yang baru melunaskan 10 per-

atus pembayaran tanah itu. “Alhamdulillah wakil Perdana Menteri sudah turun menilai keadaan pasar dan dijangka peruntukan bakal diberi untuk emajukan semula pasar uzur itu,” katanya

Beliau juga menyarankan DBKL menyemak latar belakang pemaju yang mahu mengambil alih pembangunan pasar itu.

“Saya jadikan Kampung Dato Keramat sebagai kampung angkat iaitu satu inisiatif diilhamkan Perdana Menteri supaya setiap menteri Kabinet mengangkat satu kampung dan satu masyarakat.

“Saya pilih Kampung Dato Keramat sebagai kampung angkat yang juga kampung warisan dalam bandar.

“Ramai sedia maklum kampung dalam bandar ada isu tersendiri. Bagi menyokong masyarakat kampung bandar, kerja meningkatkan fasiliti setempat sangat penting.

“Kampung Dato Keramat yang memiliki kepadatan penduduk yang tinggi. Kerja naik taraf fasiliti uzur seperti penurapan termasuk pasar awam antara perkara penting perlu saya tangani ketika ini,” katanya ketika ditemui dalam Program Santuni Madani di Kampung Dato Keramat di sini, semalam.

Dalam program itu beliau turut menyerahkan sumbangan bakul makanan kepada 500 keluarga terpilih.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kegagalan syarikat pemaju terdahulu membangunkan kawasan pasar daif itu seperti dirancang sebelum ini, mengakibatkan pelbagai masalah infrastruktur timbul.

Pada 26 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan turun padang melawat pasar berkenaan dan mengarahkan DBKL untuk memberi perhatian dan keutamaan kepada pembangunan semula pasar tersebut

yang disifatkan sebagai sangat daif.

Media sebelum ini melaporkan, mengikut perancangannya, tapak Perumahan Awam (PA) Perlis Satu yang bersebelahan dengan Pasar Dato Keramat lama akan dibangunkan dengan Pasar Dato Keramat moden dan dilengkapi kemudahan parkir bertingkat selain ruang untuk pasar basah, kering yang boleh menempatkan 333 peniaga.

Namun, hingga kini projek tidak dapat dijayakan.

Bangunan asal Pasar Dato Keramat berusia hampir 40 tahun, selain infrastruktur sedia ada seperti sistem pendawaian elektrik, sistem saliran sudah memberi masalah untuk diselembangkan, selain parkir yang tidak mencukupi.

DBKL sebelum ini memaklumkan pembangunan semula di kawasan yang menampung ekonomi warga kota perlu dinaik taraf untuk keselesaan, keselamatan peniaga dan penguatkuasaan pada masa akan datang, selain lokasinya yang strategik berdekatan dengan stesen LRT Dato Keramat dan Damai.

“**Saya lihat pasar warisan itu semakin uzur dan tidak dikendalikan dengan baik oleh pemajunya**”
Johari